

InfoINDUSTRI

Isu 01 | 31 Mei 2012



Upacara Menuai Padi Di Wasan

Brunei Kawal Import Kenderaan Terpakai Luar Negeri

Brunei Menyertai Gelombang Hijau

Keseronokan Untuk Seisi Keluarga!

Masa depan berdaya tahan Bagi BERAS HIBRID BRUNEI

Selepas melancarkan TITIH sebagai nama baru bagi jenis beras hibrid (SAT-11) yang pertama negara ini pada hari Rabu, 9 Mei, satu perjanjian mengenai "Kerjasama Bagi Kemajuan Beras Hibrid Di Negara Brunei Darussalam" diadakan antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Sunland Agri-Tech Pte Ltd, Singapura. Hadir sebagai Tetamu Kehormat di majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Projek Beras Hibrid itu adalah salah satu daripada strategi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk meningkatkan penghasilan beras negara dan mencapai 60 peratus kadar mampu diri menjelang 2015.

Sehubungan itu, projek-projek berikut akan dilaksanakan dalam jangka masa dua tahun:

1. Bantuan teknikal dalam projek pembiakan
2. Bantuan teknikal dalam peralihan teknologi dan sebagainya
3. Khidmat perunding untuk mendirikan Pusat Penyelidikan Beras Hibrid dan kemudahan pengeluaran biji benih
4. Khidmat perunding bagi protokol pendaftaran jenis beras

Manfaat dan hasil yang dihasratkan daripada kerjasama ini termasuk:

1. Peningkatan dalam hasil tuaian/pengeluaran padi
2. Peningkatan dalam pembangunan keupayaan dengan mempunyai lebih ramai kakitangan dan petani yang lebih cekap.
3. Kemudahan dan infrastruktur yang bertambah baik
4. Penjualan dan pembelian rahsia perdagangan serta jenis baru

Kerajaan Negara Brunei Darussalam melancarkan beras hibrid "TITIH" bersama Sunland Agri-Tech, Singapura





Upacara Menuai PADI DI WASAN

Upacara menuai padi sebagai penutup musim 2012 berlangsung pada 26 Mei 2012 di Kawasan Kemajuan Pertanian Projek Penanaman Padi Wasan, Kampung Wasan. Hadir sebagai Tetamu Kehormat bagi menyempurnakan majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Dalam usaha untuk meningkatkan lagi hasil padi, terutamanya jenis Laila, dua kumpulan penanam padi yang mengusahakan penanaman padi di kawasan berkenaan, iaitu KOSEKA Berhad dan Majlis Perundingan Mukim Pengkalan Batu, telah diberi latihan pengurusan dan amalan dalam pengeluaran padi melalui Sekolah Perladangan Pengusaha Padi kuliah yang dikendalikan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Penanaman padi di kawasan ini dijalankan dua kali setahun dan hasil tuaian padi dijangka akan meningkat dengan pengenalan teknologi baru yang lebih sistematik dan moden. Kebanyakan penanam padi di kawasan itu menggunakan mesin dan berupaya mengeluarkan antara tiga hingga empat metrik tan hasil padi bagi setiap hektar. Kawasan itu juga telah mencatatkan pengeluaran sebanyak 3764 metrik tan padi bagi dua musim (musim utama dan luar musim) pada tahun 2011. Adalah dihasratkan dengan usaha yang berdaya maju, matlamat pengeluaran padi negara akan tercapai.



“Terima kasih kepada semua pengusaha-pengusaha pertanian dan agrimakanan, khususnya para pengusaha padi yang tiada mengenal penat lelah dalam sama-sama berjuang dan menggembelikan tenaga dan buah fikiran dalam menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjamin sekuriti makanan Negara.”

YB Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya Menter, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama



Brunei Kawal Import Kenderaan Terpakai Luar Negeri

Pada 19 Mei 2012, Bahagian Promosi dan Perkhidmatan Kemudahan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mengadakan taklimat mengenai Perlaksanaan Dasar Kemas Kini Ke Atas Import Kenderaan Terpakai Luar Negeri 2012 di Bangunan Kementerian ini.

Taklimat berkenaan telah dipengerusikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti PJDSMDSU (Dr.) Haji Mohd Jamil Al-Sufri, Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Objektif taklimat:

1. Bagi memastikan Negara Brunei Darussalam tidak menjadi kawasan lambakan untuk import kenderaan terpakai

2. Bagi melindungi hak pengguna terhadap penggunaan kenderaan di jalan raya
3. Bagi memenuhi objektif sosioekonomi yang dicita-citakan.

Taklimat itu membincangkan isu-isu berkaitan dengan pengimportan kenderaan terpakai:

1. Peraturan baru, seperti pemeriksaan awal
2. Sekatan ke atas perubahan enjin, keadaan dan spesifikasi kenderaan terpakai
3. Tanggungjawab pegerang utama, seperti memegang lesen yang sah dan pengeluaran waranti
4. Pemantauan dan kawalan harga ke atas kenderaan terbabit
5. Memperkenalkan sistem kuota berdasarkan kepada jumlah kenderaan baru yang didaftarkan pada tahun sebelumnya

BRUNEI MENYERTAI GELOMBANG HIJAU

Pada 22 Mei, pelajar dari 50 buah sekolah, Jabatan Perhutanan dan Petrokon Utama Sdn Bhd menyertai beribu-ribu golongan remaja seluruh dunia untuk mewujudkan "Gelombang Hijau".

Bagi sambutan Hari Biodiversiti Antarabangsa, Dekad Biodiversiti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2011-2020, acara penanaman pokok secara besar-besaran telah berlangsung sempena sambutan Hari Perhutanan Sedunia. Pada peringkat kebangsaan, sebanyak 51 lokasi di seluruh negara telah ditanam dengan pokok-pokok yang disumbangkan oleh Jabatan Perhutanan.

Projek Gelombang Hijau direka bentuk untuk menyokong objektif Konvensyen mengenai Diversiti Biologi (CBD) perjanjian antarabangsa yang mempromosi pemuliharaan dan penggunaan berdaya tahan biodiversiti dan perkongsian yang sama rata terhadap kebaikan yang diperolehi daripada sumber-sumber genetik. Sasaran projek itu ialah untuk mewujudkan kesedaran dan mendidik golongan muda mengenai penghapusan biodiversiti yang sedang berlaku dan tindakan yang perlu diambil untuk mengelakkannya daripada terus terhapus.

"Gelombang Hijau mewakili satu rantaian kesepaduan kemanusiaan yang sungguh menarik dan berkisar di sekitar kehidupan – pokok – di antara kanak-kanak pada hari ini dengan warga negara yang bertanggungjawab pada hari esok," kata Setiausaha Eksekutif CBD, Ahmed Djoghlaif.



Keseronokan Untuk Seisi Keluarga!

Pada hari Ahad, 6 Mei 2012, Negara Brunei Darussalam menyambut sambutan Hari Keluarga yang pertama peringkat Kebangsaan. Sambutan yang bertema "Keluargaku, Harapanku" disambut oleh keluarga di seluruh negara yang mengambil bahagian dalam pelbagai program dan aktiviti yang telah disusun. Hadir untuk merasmikan acara di Zon 3, Pantai Rekreasi Lumut, Mukim Liang ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Sambutan itu diharap dapat:

1. Memupuk perpaduan keluarga dengan membolehkan mereka meluangkan masa yang berguna bersama-sama
2. Menyerlahkan pentingnya institusi keluarga pada generasi akan datang



Diari KPSSU

MAY
25

Pameran Produk Perikanan Tempatan Di Pesta Jualan Produk Perikanan




Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah menganjurkan 'Penjualan Hasil-Hasil Produk Perikanan' yang bermula pada 25 hingga 27 Mei 2012 bertempat di Kompleks Pendaratan Ikan Muara. Sebanyak lima operator dari sektor akuakultur, lapar operator dari sektor penangkapan dan 18 operator pemrosesan mengambil bahagian dalam acara pada tahun ini. Sebahagian daripada objektif acara itu ialah untuk membantu operator tempatan

memasarkan dan mempamerkan hasil perikanan mereka, di samping mempromosi kempen 'Makan Makanan Laut'.

Acara yang berlangsung selama tiga hari itu diadakan dari pukul 8 pagi hingga 5 petang, kecuali pada hari Jumaat yang ditutup dari pukul 11 pagi hingga 2 petang. Sepanjang pameran itu, makanan laut segar termasuk pelbagai spesies ikan, udang dan ketam dijual oleh operator penangkapan ikan, sementara operator akuakultur menjual ikan selongsong. Tambahan pula, operator sektor pemrosesan menjual produk makanan laut yang sudah diproses seperti ikan salai dan perap, keropok makanan laut dan belacan. Sebagai langkah berjaga-jaga berikutan kejadian air pasang merah yang berlaku di perairan Brunei, satu penerangan umum mengenai kaedah menyangi ikan yang betul sebelum dimasak, juga diadakan.

MAY
14

Kakitangan KPSSU Menjalani Latihan Tindakan Hama



Bagi menambah pengetahuan dan kepakaran pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mengenai teknik pengumpulan dan pengenalpastian hama dengan betul, satu kursus latihan telah dikendalikan pada 14 hingga 23 Mei 2012 di Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba, Gadong, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Hadir selaku Tetamu Kehormat ke Majlis Pembukaan Rasmi kursus latihan ini ialah Yang Mulia Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti PJDSMDSU (Dr.) Haji Mohd Jamil Al-Sufri, Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Antara tajuk yang dipelajari sepanjang kursus latihan itu termasuk:

1. Pengenalan kepada spesies hama, dari aspek spesies dan morfologi, biologi serta ekologi di samping kepentingan mereka dari segi ekonomi
2. Pengurusan dan pengawalan infestasi hama serta aplikasi teknologi racun perosak dalam pengawalan hama
3. Fundamental dalam pengumpulan hama, pemeliharaan dan penyediaan spesimen untuk kajian di atas slaid bagi tujuan pengenalpastian dan rujukan pada masa akan datang.

Adalah diharapkan ilmu pengetahuan yang diperoleh pada kursus latihan ini dikongsi bersama jabatan-jabatan, petani dan masyarakat awam dalam usaha untuk memperbaiki lagi tahap kecekapan dalam teknik aplikasi pengurusan dan pengawalan hama dan racun perosak.



MAY
6

Jabatan Perhutanan Juara Kejohanan Bolasepak

Pada kejohanan bolasepak 5 orang sepasukan 2012 yang diadakan selama seminggu sejak hujung bulan April lalu, Jabatan Perhutanan muncul juara Piala Pusingan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, menggantikan juara bertahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, dengan menewaskan Jabatan Buruh 5-2 di Padang Bola, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Hadir untuk menyampaikan hadiah ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Sebanyak enam belas pasukan menyertai kejohanan yang menarik ini termasuk Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Perhubungan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Perikanan, Jabatan Perhutanan, Jabatan BINA, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Jabatan Kastam & Eksais Diraja, Jabatan Audit, Jabatan Buruh dan Jabatan Tenaga.

Objektif Kejohanan:

1. Bagi mengukuhkan hubungan antara jabatan dan antara kementerian
2. Bagi mempromosi semangat keakraban dan kesukanan
3. Bagi menggalakkan gaya hidup yang lebih sihat dan aktif
4. Bagi mewujudkan acara sukan tahunan bagi MIPR
5. Bagi mencungkil bakat pemain yang dapat mewakili kementerian pada kejohanan akan datang

“ Pengetahuan dan kepakaran dalam kerja-kerja taksonomi dan pencaman yang betul adalah sangat penting dalam merangka atau mengatur strategi pengawalan dan pengurusan yang berkesan bagi mengurangkan serangan hama perosak tanaman ke tahap yang minima. ”

YM Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama